

## Bahagian A

[60 markah]

*Jawab semua soalan di bahagian ini.*

1. Maklumat berikut berkaitan sebuah firma dalam ekonomi.

FBV Holding Berhad mempunyai RM5 juta dan ingin membeli 5 buah jentera baharu. Namun, pada masa yang sama, syarikat ingin menambah sebuah bangunan kilang yang baharu. Syarikat memutuskan untuk mendapatkan jentera bagi mencapai pengeluaran yang lebih produktif.

- (a) Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh syarikat FBV Holding Berhad?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Bagaimana sistem ekonomi campuran menyelesaikan masalah:

- (i) Berapa yang hendak dikeluarkan?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) Bagaimana hendak dikeluarkan?

.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Terangkan penentu keanjalan harga penawaran yang menyebabkan penawaran barang pertanian dan perladangan menjadi tidak anjal.

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi peralatan sukan.

Harga (RM/unit)	Kuantiti permintaan raket badminton (Ribu unit)	Kuantiti penawaran raket badminton	
		Firma A	Firma B
10	35	4	2
20	25	6	3
35	15	9	6
45	10	10	8

- (i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan lukiskan keluk keseimbangan pasaran barang tersebut.

.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (ii) Jelaskan keadaan pasaran pada tingkat harga RM20.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]

- 2 (a) Gambar berikut menunjukkan institusi kewangan di Malaysia.



- (i) Apakah jenis institusi kewangan tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[1 markah]

- (ii) Bagaimanakah Bank Pusat menjalankan peranannya terhadap institusi kewangan di 2(a) (i)?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan urusan perbankan yang dibuat oleh dua unit ekonomi pada setiap bulan.

Puan Melly Chan	Syarikat DaHauz Berhad
Membayar bil utiliti seperti bil air dan elektrik	Membayar gaji kepada 200 orang pekerja melalui akaun simpanan masing-masing

- (i) Nyatakan kemudahan pembayaran digunakan oleh unit ekonomi tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) Bandingkan kemudahan pembayaran di 2 (b) (i) tersbut.

[5 markah]

- (c) Jadual berikut berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah kos (RM)
0	300
1	500
2	650
3	X

Berdasarkan jadual tersebut:

- (i) Hitung nilai X apabila kos berubah adalah RM500.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah output dan jumlah kos.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (d) Terangkan faktor yang mempengaruhi produktiviti sebuah firma.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

.....  
 .....  
 .....  
 .....

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[6 markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan ketidakstabilan ekonomi di Malaysia.

Kuala Lumpur: Inflasi di Malaysia telah meningkat kepada 3.3 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya.

Sumber: *Ubah suai Sinar harian.com.my, 17 Mei 2023*

- (a) Bagaimanakah kadar cukai digunakan untuk mengatasi keadaan ekonomi tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b) Huraikan dua jenis pengangguran.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan urusniaga Malaysia dengan China.

Malaysia mengimport barang elektrik dan elektronik dari negara China.  
Manakala China mengimport minyak sawit dari Malaysia.

Jelaskan kepentingan urusniaga tersebut.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

- (d) Jadual menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia banding Dolar Amerika.

Bulan	Kadar pertukaran
September 2022	USD1 = RM4.57
September 2023	USD1 = RM4.69

- (i) Jika seorang warga Amerika melabur sebanyak RM70 000 di Malaysia pada bulan September 2022, berapakah Dolar Amerika yang perlu disediakan untuk memenuhi tujuan tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran tersebut ke atas imbalan dagangan Malaysia.

[4 markah]

**Bahagian B****[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini*

4. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas yang dihadapi oleh satu unit ekonomi

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan akan menangguhkan kira-kira 30 projek bernilai RM100 juta sebagai langkah penjimatan bagi membantu meningkatkan lagi jumlah subsidi. Projek yang akan ditangguhkan itu meliputi projek baharu dan projek sedia ada yang belum dimulakan. Pembinaan Pusat Pemprosesan Getah Bersepadu di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi turut ditangguhkan. Bagaimanapun Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan diteruskan.

Sumber: *Ubah suai Utusan Online, 21 Julai 2023*

- (a) Jelaskan masalah yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut. [5 markah]
- (b) Bincangkan kesan pilihan kerajaan terhadap ekonomi negara. [9 markah]
- (c) Jelaskan kesan pilihan kerajaan terhadap masyarakat setempat. [6 markah]

5. Maklumat berikut menunjukkan sejenis bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Pendapatan	Bantuan Prihatin Rakyat
< RM2,500	<b>RM1,200</b>
1 orang anak	<b>RM1,800</b>
2 orang anak atau lebih	
<b>RM2,501 - RM4,000</b>	<b>RM800</b>
1 orang anak	<b>RM1,200</b>
2 orang anak atau lebih	
Individu bujang berpendapatan < RM2,500	
21 tahun ke atas	<b>RM350</b>

**malaysianow.com** **MALAYSIA NOW**

Sumber: <https://www.malaysianow.com/>, 6 November, 2020

#### Maklumat I

Kerajaan telah membuka beberapa kawasan perindustrian baharu antaranya ialah kawasan perindustrian di Bukit Pelanduk, Port Dickson di Negeri Sembilan yang dijangka menjadi pemangkin aktiviti pelaburan dan sumber pekerjaan baharu.

Sumber: Asrto Awani 2023

#### Maklumat II

- (a) Huraikan bentuk pendapatan yang terdapat dalam maklumat I.

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah bantuan tersebut memberi kesan kepada isi rumah.

[7 markah]

- (c) Tindakan kerajaan tersebut dapat meningkatkan ekonomi negara.

Bincangkan.

[9 markah]

*[lihat halaman sebelah]*

**SULIT**

6. Maklumat berikut berkaitan dengan satu keputusan kerajaan.

**Belanjawan 2024: Peruntukan tertinggi RM393.8 billion.**

Kerajaan memperuntukan RM2000 untuk semua penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak. Pengumuman ini memberi keleaan kepada penjawat awam di seluruh negara. Bonus ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada penjawat awam dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat serta memberi penghargaan terhadap dedikasi mereka dalam menjalankan tugas negara.

Sumber: *Ubah suai daripada Berita Harian Online: Oktober 13, 2023*

- (a) Jelaskan mengenai perbelanjaan kerajaan tersebut.  
[4 markah]
- (b) Bagaimakah keputusan tersebut memberi kesan terhadap pasaran barang dan perkhidmatan?  
[7 markah]
- (c) Bantuan tersebut memberi manfaat kepada penjawat awam.  
Beri pendapat anda.  
[9 markah]

7. Jadual berikut berkaitan dengan hasil kerajaan.

Hasil Tahunan Kerajaan Persekutuan 2023-2024

Komponen Cukai Langsung	2023	2024
	(RM Juta)	(RM Juta)
Cukai Pendapatan Syarikat	82,133	93,851
Cukai Pendapatan Individu	33,776	36,210
Cukai Pendapatan Petroleum	23,421	26,096
Duti Setem	8,038	9,564
Lain-lain cukai langsung	6,107	5,615
Jumlah	153,475	171,336

Sumber: Kementerian Kewangan([data.gov.my](http://data.gov.my))

**Maklumat 1**

PETALING JAYA: Kerajaan disaran tidak terlalu bergantung kepada peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) semata-mata bagi meningkatkan hasil negara, sebaliknya meneroka pelbagai bentuk cukai lain yang lebih progresif dan bersasar.

Adalah dibimbangi apabila cukai jualan dan perkhidmatan dikenakan ke atas barang asas seperti makanan, pengangkutan dan perumahan, beban ini akhirnya ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan B40 dan M40," ujarnya.

Sumber: Utusan Malaysia(19 Jun 2025)

**Maklumat 2**

- (a) Huraikan mengenai cukai langsung terbesar kerajaan yang terdapat dalam maklumat 1.

[4 markah]

- (b) Bersetujukah anda dengan tindakan kerajaan di dalam maklumat 2.

Berikan alasan anda.

[9 markah]

- (c) Dengan bantuan gambarajah, jelaskan kesan tindakan kerajaan dalam maklumat 2.

[7 markah]